

02/12/1997

Kerajaan kawal harga (HL)

Kamal Ahmad

BANGI, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengawal kenaikan harga barangan bagi menjamin keadilan kepada pekerja yang tidak menikmati kenaikan gaji dalam keadaan negara menghadapi kesan kejatuhan ringgit.

Perdana Menteri berkata, kenaikan harga barangan hanya menyusahkan golongan pekerja bergaji tetap selain memburukkan lagi keadaan serta melemahkan negara.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada golongan pekerja kerana tidak menuntut kenaikan gaji selain kenaikan tahunan, beliau menegaskan, kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya.

"Sebab itu, saya menegur bahkan mengecam mereka yang sengaja menaikkan harga barangan.

"Mereka ingin mencari untung dalam keadaan masalah yang dihadapi oleh negara tetapi kita akan mengambil tindakan kerana apa yang dilakukan oleh mereka akan melemahkan kita.

"Saya bersyukur dan berterima kasih kepada pekerja yang tidak menimbulkan masalah waktu ini.

"Amat tidak adil kalau peniaga menaikkan harga barangan dan kita tidak menaikkan gaji dan upah untuk membeli barangan itu.

"Sebab itu kita lebih suka mengawal kenaikan harga supaya kita tidak perlu menaikkan gaji mereka melainkan kenaikan biasa," katanya berucap pada perhimpunan lebih 300 kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta anak syarikat, kesatuan dan persatuan dalaman syarikat itu di Universiti Tenaga Nasional (Uniten), di sini.

Perdana Menteri melancarkan kenderaan elektrik pertama buatan Malaysia model Eleksuria.

Kereta jenis buggy itu keluaran Perusahaan Otomobil Elektrik (Malaysia) Sdn Bhd (POEM), anak syarikat TNB dengan usaha sama Frazer-Nash Research Ltd (FN), United Kingdom.

Dr Mahathir berkata, langkah mengawal kenaikan harga barangan membolehkan produk yang dieksport menjadi lebih berdaya saing dalam pasaran dunia dan membawa masuk lebih banyak tukaran wang asing.

"Apabila kita mendapat lebih banyak tukaran asing, mereka tidak lagi mudah untuk menjatuhkan ekonomi negara kita," katanya sambil meminta rakyat bekerja lebih kuat dan meningkatkan produktiviti.

Beliau turut menasihatkan pelajar menguasai semua ilmu supaya negara tidak bergantung kepada orang lain.

"Seboleh-bolehnya pelajar kita tidak payah lagi belajar di luar negara.

"Dalam negara kita ini pun ada orang yang cekap boleh mengajar.

"Dengan itu, kita akan menyelamatkan wang kita.

"Kalau kita mempunyai sikap sedemikian, kita dapat mengatasi segala masalah yang dihadapi," katanya.

Pada masa yang sama beliau meminta segenap lapisan rakyat lebih berdisiplin dan bersatu padu menangani kesan kejatuhan nilai ringgit untuk mengelakkan mereka menjadi hamba jika negara dijajah semula.

Menurut Perdana Menteri, matlamat spekulator dan manipulator asing yang sengaja menjatuhkan nilai ringgit untuk memiskin dan melemahkan negara supaya tunduk kepada mereka.

Katanya, tindakan itu untuk memaksa negara membuka pintu kepada syarikat gergasi dan bank besar mereka menguasai kegiatan ekonomi negara ini.

"Apabila syarikat besar dan bank ini masuk, mereka akan mengalahkan syarikat tempatan termasuk mungkin Tenaga Nasional Berhad (TNB); mengambil alihnya dan dengan itu kita akan menjadi hamba semula dan bekerja untuk orang asing.

"Segala keuntungan diperolehi mereka dan kita menjadi buruh, menjadi orang yang bekerja untuk memperkayakan mereka. Inilah hasrat mereka.

"Hari ini pun kita sudah lihat bank di negara yang menerima bantuan dibeli oleh bank asing," katanya.

(END)